

Implikasi Wasiat Aset Digital dalam Konteks Memobilia, Kebergantungan Telefon Pintar dan Pembentukan Aset Digital dalam Kalangan Belia

ANUAR ALI*

Universiti Teknologi Mara, Malaysia

MOHD AZUL MOHAMAD SALLEH

NORMAH MUSTAFFA

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Konsep wasiat aset digital merupakan implikasi baru yang dilihat berlaku dari penggunaan dan kebergantungan teknologi komunikasi oleh pengguna di seluruh dunia. Konsep ini penting dalam pengurusan memori dan data digital bagi pengguna untuk menghadapi kematian dalam abad ke-21 ini. Hal ini berlaku apabila perkembangan teknologi komunikasi seperti telefon pintar telah melalui transformasi sebagai alat pendigitalan data yang dikonseptualisasi sebagai memobilia. Pengaruhnya menyebabkan pembentukan memori dan data digital yang boleh dikategori sebagai aset digital. Aset digital merangkumi data, maklumat, memori dan platform digital yang mempunyai nilai privasi, sensitiviti, sentimental dan monetari. Namun, tanpa pemindahan hak digital, aset digital yang bernilai ini tidak boleh diwarisi dan dilindungi oleh pewarisnya selepas seseorang pengguna meninggal dunia kelak. Oleh sebab kematian tidak boleh dielak dan diramalkan, maka kesedaran konsep wasiat aset digital sebagai sistem pewarisan bagi pengurusan aset digital penting kepada golongan belia. Kepentingan ini wujud disebabkan belia merupakan golongan tertinggi yang bergantung kepada penggunaan telefon pintar di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai hubungan memobilia, kebergantungan telefon pintar dan aset digital terhadap kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia. Kaedah survei dilakukan terhadap 395 belia di Selangor yang dipilih melalui pensampelan bertujuan. Data survei dianalisis menggunakan prosedur sistematik *Partial Least Square Structural Equation Modelling* (PLS-SEM). Hasil kajian menunjukkan memobilia mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap kebergantungan telefon pintar dan aset digital, namun tidak signifikan terhadap kesedaran wasiat aset digital. Hasil kajian ini memberi implikasi kepada kesedaran belia dalam melindungi aset digital menerusi pemindahan hak digital yang berlaku melalui konsep wasiat aset digital.

Kata kunci: *Memori digital, memobilia, kebergantungan telefon pintar, wasiat aset digital, belia.*

Implications of Digital Inheritance in the Context of Memobilia, Smartphone Dependency and Digital Assets Formation among Youth

ABSTRACT

The concept of digital inheritance is a novel implication arising from the widespread dependence on communication technology by users worldwide. This concept plays a crucial role in managing the memory and digital data of individuals facing mortality in the 21st century. It emerges as communication

*Correspondence author: anuar0688@uitm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2024-4003-12>

technology, particularly smartphones, undergoes a transformation into a data digitization tool conceptualized as memobilia. This transformation influences the creation of digital memory and data, categorized as digital assets. Digital assets encompass data, information, memories, and digital platforms, each possessing privacy, sensitivity, sentimental, and monetary value. However, without the transfer of digital rights, these valuable digital assets cannot be inherited. As death is inevitable and unpredictable, awareness of the concept of digital inheritance becomes crucial for youth. This interest is particularly pertinent as youth constitute the highest demographic dependent on smartphones in Malaysia. This study aims to examine the relationship between memobilia, smartphone dependency, digital assets, and the awareness of digital inheritance. A survey method was employed, involving 395 youth in Selangor selected through purposive sampling. The survey data underwent analysis using the systematic procedure of Partial Least Square Structural Equation Modeling (PLS-SEM). The study results indicate that memobilia has a positive and significant relationship with smartphone dependency and digital assets, but its relationship with the awareness of digital inheritance is not significant. These findings imply the need for increased awareness among youth in safeguarding digital assets through the transfer of digital rights facilitated by the concept of digital inheritance.

Keywords: *Digital memory, memobilia, smartphone dependency, digital inheritance, youth*

PENGENALAN

Pengurusan aset digital melalui konsep wasiat aset digital perlu diterokai melalui perkembangan teknologi komunikasi. Ini berikutan konsep wasiat aset digital merupakan satu implikasi baru dilihat yang berlaku dari penggunaan teknologi komunikasi oleh setiap pengguna di seluruh dunia (Agarwal & Nath, 2021). Penggunaan ini telah menyebabkan pembentukan data, maklumat, dan memori berlaku dengan pesat oleh pengguna khususnya dalam konteks teknologi komunikasi seperti telefon pintar. Oleh sebab teknologi telefon pintar merupakan alat komunikasi terpenting yang diperlukan oleh setiap pengguna (Ling et al., 2020), maka proses transformasi telefon pintar yang berkembang dari alat komunikasi kepada alat pendigitalan perlu diterokai bagi memahami fenomena ini secara lebih mendalam. Fenomena ini turut membawa dan membuatkan pengguna hari ini menjadikan telefon pintar sebagai alat komunikasi bagi aktiviti sosial secara maya (Pitchan & Anuwa, 2021).

Menurut Castells (1999), berlakunya peralihan zaman dari zaman perindustrian kepada zaman teknologi maklumat. Perkembangan ini menyebabkan masyarakat bergantung kepada penggunaan teknologi komunikasi dan media baharu sehingga menyumbang penglibatan aktif pengguna dan tanpa henti. Seterusnya, hal ini membawa kepada perbincangan berkaitan dalam pengurusan maklumat dan data peribadi yang terhasil daripada isu kebergantungan penggunaan teknologi komunikasi seperti telefon pintar. Impak situasi ini, apabila pengurusan aset digital dan keselamatan privasi bakal timbul selepas pengguna itu mati kelak. Tanpa pemindahan hak digital, aset digital tidak boleh diwarisi dan dilindungi oleh pewarisnya selepas pengguna itu meninggal dunia. Oleh sebab kematian tidak boleh dielak dan diramalkan, maka kesedaran tentang konsep wasiat aset digital sebagai sistem pewarisan penting kepada belia. Maka, artikel ini meneliti dimensi perkembangan digitalisasi dan pembentukan aset digital terhadap kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia. Objektif utama kajian adalah menilai hubungan memobilia, kebergantungan telefon pintar dan aset digital terhadap kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia.

SOROTAN LITERATUR

Meninjau sejarah perkembangan teknologi telefon pintar, teknologi komunikasi ini telah melalui proses pengubahsuaian sebelum menjadi alat teknologi komunikasi utama bagi seseorang pengguna pada masa kini (White, 2022). Proses transformasi ini bermula pada tahun 1983 apabila syarikat Motorola berjaya mencipta teknologi telefon bimbit sebagai satu inovasi kepada teknologi telefon (Harris & Cooper, 2019). Bermula dari itu, teknologi telefon secara rasmi berfungsi sebagai telefon mudah alih yang boleh dibawa ke mana-mana. Walau bagaimanapun, Goggin (2021) menyatakan bahawa ketahanan bateri telefon bimbit ketika itu hanya bertahan selama 30 minit. Beliau turut menyatakan bahawa saiz telefon bimbit juga terlalu besar dan mempunyai keupayaan rangkaian telekomunikasi yang hanya berfokus kepada aktiviti komunikasi seperti panggilan telefon dan penghantaran mesej sahaja.

Namun kemunculan teknologi Internet telah membawa kepada transformasi telefon bimbit kepada penciptaan telefon pintar (Miller et al., 2021). Penerimaan teknologi telefon pintar ini berasas kepada kemunculan teknologi Internet yang turut memberi implikasi kepada transformasi rangkaian selular 1G, 2G, 3G, 4G dan 5G (Hodara & Skaljo, 2021). Kepantasan rangkaian selular ini membantu pengguna memperluas pelbagai saluran komunikasi bagi merealisasikan pelbagai matlamat kehidupan seperti pencarian maklumat, perhubungan dalam talian, pengurusan kewangan serta lain-lain. Selain itu, pelbagai aktiviti komunikasi digital dua hala turut menjadi pilihan pengguna yang merangkumi pengaksesan aplikasi sosial (Shen & Gong, 2019), permainan dalam talian (Liao, 2019), jual beli dalam talian (Heo & Lee, 2018) dan integrasi teknologi radio serta televisyen (Chan-Olmsted & Xiao, 2019) yang turut boleh berfungsi melalui telefon pintar.

Sementara itu, Storm and Soares (2021) menegaskan bahawa implikasi penting yang perlu diberi perhatian dari perkembangan telefon pintar ini adalah aspek pendigitalan data, maklumat dan memori pengguna. Ini disebabkan oleh aktiviti komunikasi digital yang terbentuk melalui penggunaan telefon pintar telah memberi implikasi kepada penghasilan kandungan digital (data dan maklumat). Kebanyakan perbincangan oleh penyelidik terdahulu hanya tertumpu kepada keupayaan telefon pintar sebagai alat komunikasi dalam mengurus matlamat kehidupan seharian pengguna (Ling et al., 2020). Sebaliknya, penemuan oleh Reading (2009) telah membawa perspektif berbeza mengenai peranan telefon pintar sebagai alat pendigitalan data, maklumat dan memori dalam konteks pengguna. Beliau telah mengklasifikasi telefon pintar sebagai memobilia yang merujuk kepada penggunaannya sebagai alat pendigitalan bagi membantu pengguna mendigital data untuk tujuan mengurus kehidupan seharian.

Reading (2009) telah mencadangkan bahawa konsep memobilia ini mempunyai tiga dimensi yang merangkumi *'me'*, *'mobility'* dan *'meme'* sebagai tiga dimensi penting dalam proses pendigitalan data, maklumat dan memori seseorang pengguna. Dimensi pertama *'me'* menerangkan bahawa telefon pintar mewakili personaliti diri pengguna. Dimensi kedua *'mobility'* pula menerangkan bahawa telefon pintar berupaya menjadi arkib bergerak yang boleh mendigital data, maklumat dan memori manusia di mana-mana sahaja. Manakala dimensi ketiga *'meme'* memberi penjelasan mengenai keupayaan telefon pintar dalam menyimpan dan menyunting memori yang telah melalui proses pendigitalan. Penggabungan tiga dimensi ini menjadikan teknologi telefon pintar berfungsi sebagai alat komunikasi yang berupaya mendigital data, maklumat dan memori manusia.

Memori yang diklasifikasi sebagai data, maklumat dan peristiwa penting ini bukan sahaja boleh dimaterial dalam bentuk digital (Storm & Soares, 2021), malah ia boleh disimpan, disunting dan dipindahkan ke dalam storan awan melalui platform telefon pintar (Finley et al., 2018). Sebelum teknologi maklumat dan komunikasi berkembang pesat, memori seperti gambar perlu disimpan dalam bentuk fizikal. Seterusnya, memori ini juga perlu dicetak dan diproses mengguna teknologi mesin pencetak. Namun, dengan kecanggihan perisian dan storan dalaman telefon pintar, memori ini telah melalui proses pendigitalan dan membolehkannya disimpan dengan jumlah yang banyak pada satu-satu masa. Sekiranya kapasiti storan dalaman telefon pintar tidak berupaya untuk menampung sejumlah data dan memori, dengan ketersambungan talian Internet, ia dapat dipindahkan ke dalam storan awan melalui teknologi seperti *Google Drive* dan *Apple iCloud* (Finley et al., 2018).

Kecanggihan rangkaian selular dan keupayaan telefon pintar turut melibatkan dan membuka peluang untuk pendigitalan data dan maklumat penting seperti maklumat peribadi, kewangan, dan kesihatan (Deng et al., 2019). Proses pendigitalan ini melibatkan pemprosesan, penyimpanan, penyuntingan dan pemindahan data dari satu peranti kepada peranti lain dengan mudah. Proses ini bukan sekadar pemindahan data dan maklumat digital dari peranti ke storan awan, malah ia turut dimuat naik ke dalam platform aplikasi sosial (Shen & Gong, 2019), platform jual beli dalam talian (Heo & Lee, 2018) dan platform perbankan dalam talian (Singh & Samah, 2018). Maka, keupayaan telefon pintar sebagai alat pendigitalan ternyata relevan dalam membantu pengguna mengurus hampir kesemua aspek kehidupan seharian dengan lebih mudah, cepat dan efisien.

Situasi ini selari dengan gambaran awal Castells (1999) mengenai peralihan zaman yang berupaya menyebabkan masyarakat bergantung kepada teknologi komunikasi bagi mengurus kehidupan meliputi aspek sosial, ekonomi dan budaya. Revolusi yang berlaku dari zaman perindustrian ke zaman maklumat telah menjadikan pengguna bergantung kepada telefon pintar (Allred & Atkin, 2020). Kebergantungan ini wujud disebabkan telefon pintar berupaya meringankan beban pengguna berikutan kebolehannya mengurus hampir kesemua aspek kehidupan manusia. Dalam abad ke-21 ini, pemikiran Reading (2009) mengenai konsep memobilia telah terbukti relevan apabila kebergantungan kepada telefon pintar ternyata turut berlaku disebabkan kebolehannya mendigital data, maklumat dan memori pengguna.

Sekiranya diteliti, kebergantungan belia terhadap teknologi telefon pintar adalah disebabkan keupayaannya membantu pengguna merealisasikan pelbagai matlamat kehidupan seperti melancarkan urusan komunikasi dalam pekerjaan harian (Li & Lin, 2019). Penemuan ini selari dengan andaian yang dicadangkan oleh Ball-Rokeach (1985) melalui elemen mikro iaitu Kebergantungan Media Individu (IMD) dalam Teori Sistem Kebergantungan Media (MSD). Elemen IMD ini mengandaikan bahawa seseorang pengguna individu sentiasa bergantung kepada media bertujuan untuk berhibur, bersosial dan mencari maklumat bagi memahami kehidupan sekeliling. Walau bagaimanapun, terminologi kebergantungan media mempunyai definisi berbeza dengan istilah ketagihan media oleh segelintir masyarakat. Kim (2020) menegaskan bahawa kebergantungan seseorang pengguna dalam penggunaan teknologi komunikasi seperti telefon pintar tidak memberi maksud bahawa individu tersebut mengalami ketagihan teknologi tetapi bergantung atas keperluan mengurus kehidupan.

Sebagai contoh, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia benar-benar membuktikan keupayaan telefon pintar sebagai alat komunikasi utama dalam membantu pengguna mengurus kehidupan seharian. Misalnya bagi belia yang sedang belajar, mereka sememangnya bergantung kepada teknologi ini sepanjang berada di rumah bagi tujuan perhubungan bersama rakan dan pensyarah melalui aktiviti pembelajaran secara dalam talian. Penemuan oleh Ahmad Mustopa and Dasrun Hidayat (2020) membuktikan bahawa telefon pintar merupakan alat komunikasi yang menjadi pilihan utama golongan ini berikutan keupayaannya untuk berfungsi seperti sebuah komputer riba. Selain dari itu, kecanggihan aplikasi dan perisian turut meningkat keupayaannya sebagai alat komunikasi digital bagi merealisasikan pelbagai matlamat seperti mencari maklumat, bersosial, berhibur, mengurus kewangan, mengakses maklumat kerohanian dan mendigital memori.

Implikasinya, pelbagai data dan maklumat digital milik pengguna terbentuk melalui sistem kebergantungan ini. Antara data dan maklumat digital tersebut termasuk maklumat peribadi, maklumat kewangan, maklumat kesihatan, maklumat perniagaan dan maklumat media sosial (Deng et al., 2019). Dalam konteks ini, Cahn (2011) menyifatkan data dan maklumat digital ini mempunyai nilai sehingga boleh diklasifikasi sebagai aset digital yang perlu diurus sebaiknya oleh pemiliknya. Terdahulu, beliau turut mengklasifikasi aset digital kepada tiga kategori iaitu aset digital data peribadi, aset digital media sosial dan aset digital kewangan. Ketiga-tiga jenis aset digital ini turut berupaya dibentuk melalui penggunaan telefon pintar sebagai alat pendigitalan data bagi membantu pengguna mengurus kehidupan seharian.

Buktinya, pelbagai isu melibatkan keselamatan dalam talian seperti jenayah siber, ketirisan dan kecurian data pengguna berlaku di seluruh dunia. Penghasilan aset digital melalui proses pendigitalan memori juga turut berlaku dalam kalangan selebriti sehingga mencetus pelbagai jenis buli siber (Mohd Azul & Liyana 2023). Di Malaysia, Berita Harian pada tahun 2021 melaporkan bahawa kes-kes kecurian data peribadi dalam bentuk digital semakin berleluasa dari tahun 2017 sehingga tahun 2020. Percubaan perdagangan data telekomunikasi melalui forum portal Lowyat.net pada tahun 2017 membuktikan bahawa data digital tersebut mempunyai nilai yang berharga sehingga diperdagangkan bagi tujuan komersial. Walaupun terdapat ciri keselamatan melalui Sekatan Perkhidmatan Selular Awam (PCBS) yang dilancarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia pada awal tahun 2014, sebanyak 46.2 juta set data telah terbocor pada tahun 2019 dengan jumlah ketirisan data ini melebihi populasi rakyat Malaysia. Secara khususnya, inisiatif PCBS bertujuan menyekat apa-apa perkhidmatan dari telefon pintar yang hilang atau dicuri walaupun kad Modul Pengenalan Pelanggan (*Subscriber Identity Module*) (SIM) ditukar kepada pemilik baru.

Kewujudan inisiatif PCBS ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius kepada isu-isu yang melibatkan pengurusan data digital milik pengguna. Dapatan kajian oleh Pitchan et al. (2022) menunjukkan bahawa pengguna belia aktif menggunakan transaksi pembelian dalam talian. Hal ini berlaku disebabkan belia mempunyai pengetahuan terhadap isu privasi dan keselamatan maklumat ketika urusan pembelian berlaku. Namun demikian, amalan pengurusan data digital bagi menghadapi kematian melalui konsep wasiat aset digital masih terhad dibincangkan di Malaysia. Pengurusan data seharusnya tidak hanya tertumpu kepada pengawalan dan pengurusan data pengguna yang masih hidup. Ini disebabkan oleh kepentingannya turut memberi implikasi kepada pengurusan aset digital selepas

pengguna tersebut meninggal dunia. Proses ini sangat relevan apabila dunia kini sedang mengalami perubahan zaman dari zaman teknologi maklumat ke zaman pasca digital (*post-digital*) (Savin-Baden, 2021). Zaman pasca digital ini menyaksikan generasi akan datang membesar dalam era pasca digital dengan teknologi digital adalah perkara biasa dan diterima, bukannya sesuatu yang baharu.

Maka sekiranya konsep wasiat aset digital tidak dikaji dan diperkenalkan, maka data, maklumat, memori dan platform digital milik pengguna yang telah meninggal dunia juga akan terus dimanipulasi dan diperdagangkan. Sedangkan, data, maklumat, memori dan platform digital milik seseorang individu yang telah meninggal dunia boleh dimanfaatkan oleh waris atau mana-mana individu yang di amanah (Bassett, 2022). Selain itu, konsep wasiat aset digital ini memberi peluang kepada setiap pengguna merancang pengurusan data dan maklumat digital bagi tujuan untuk dipadam, dinyahaktif, dipindah, dimanfaatkan atau diteruskan legasinya oleh pemilik baru (Kirillova et al., 2019). Perakuan ini merangkumi pemindahan hak digital kepada individu baru bagi tujuan pengaksesan platform digital atau teknologi komunikasi seperti telefon pintar. Pemindahan hak ini perlu bagi tujuan mengurus dan memiliki sebarang bentuk kandungan digital yang tersimpan dalam platform digital atau peranti tersebut (Moncur & Waller, 2010).

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah survei. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk meninjau pandangan belia dalam menggunakan teknologi komunikasi telefon pintar sebagai alat memori digital bagi mengurus kehidupan seharian.

Kaedah Pensampelan

Golongan belia Selangor dipilih sebagai populasi bagi kajian ini. Sekiranya diteliti, had umur belia di Malaysia telah melalui beberapa proses pewartaan dan pindaan. Had umur asal belia Malaysia adalah antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, pindaan Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 688) telah menghadkan umur belia adalah antara 15 hingga 30 tahun. Takrifan ini juga selari dengan piawaian takrifan oleh Dasar Belia Selangor (DBS) pada tahun 2021 yang berpandu kepada takrifan belia di peringkat antarabangsa. Kajian kuantitatif ini telah memilih pensampelan bertujuan sebagai teknik pensampelan bagi menilai hubungan memobilia dan pengaruhnya ke atas kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia.

Selain dari kelebihan sebagai teknik pensampelan yang menyasarkan responden dengan ketersediaan dan keinginan untuk mengambil bahagian dalam kajian (Bernard, 2017), responden yang dipilih juga perlu memiliki sekurang-kurangnya sebuah telefon pintar berdaftar atas nama individu. Merujuk kepada jumlah unjuran belia Malaysia di Selangor yang dikemukakan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia adalah besar iaitu 1,721,100 (IYRES, 2022), beberapa prosedur penentuan saiz sampel berdasarkan populasi turut dipertimbangkan. Berpandu kepada Krejcie and Morgan (1970) sekiranya saiz populasi adalah 1,000, 000, sebanyak 384 sampel diperlukan bagi tujuan pengumpulan data. Kajian ini telah mengedarkan sebanyak 395 borang soal kaji selidik yang mewakili belia di Selangor.

Instrumen Kajian

Pembinaan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah bersandar kepada penemuan penting dan adaptasi instrumen sedia ada yang dibina oleh penyelidik dalam bidang berkaitan fenomena yang dikaji. Terdapat lima (5) bahagian yang mewakili Bahagian A, B, C, D dan E. Secara spesifik, Bahagian A mewakili demografik yang mempunyai sejumlah 10 item. Bahagian ini bertujuan mendapatkan maklumat mengenai latar belakang responden berkaitan jantina, umur, pendidikan, pendapatan bulanan, status perkahwinan dan pengalaman asas penggunaan telefon pintar dalam konteks kehidupan seharian mereka. Bahagian B pula mewakili konstruk memobilia dengan jumlah item sebanyak 20 item. Soalan di bahagian ini bersandar kepada konsep memobilia yang dikonseptualisasi oleh Reading (2009) mengenai telefon pintar sebagai alat pendigitalan data.

Seterusnya bagi Bahagian C pula mewakili konstruk kebergantungan telefon pintar dengan jumlah item sebanyak 30 item. Soalan di bahagian ini bersandar kepada elemen Kebergantungan Media Individu (IMD) di bawah Teori Sistem Kebergantungan Media (MSD) yang diperkenal oleh Ball-Rokeach (1985) mengenai kebergantungan media. Terdapat penambahan kosntruk dari hasil kajian kualitatif iaitu ‘spiritual’, ‘memori’ dan ‘perniagaan’ yang turut diukur di bahagian ini. Sementara itu, Bahagian D pula mewakili konstruk aset digital dengan jumlah item sebanyak 15 item. Soalan di bahagian ini bersandar kepada kategori aset digital oleh oleh Cahn (2011). Selain itu, soalan-soalan di bahagian ini turut berpandu kepada penemuan penting mengenai aset digital yang dijumpai melalui pembacaan jurnal. Manakala Bahagian E pula mewakili konstruk kesedaran wasiat aset digital. Hanya terdapat 5 item yang terbina bagi kesedaran wasiat aset digital. Soalan-soalan ini terbentuk dari hasil kajian kualitatif dan penemuan penting oleh penyelidik bagi kajian-kajian lepas. Item mewakili Bahagian B, C, D dan E diukur berdasarkan kepada skala Likert yang mempunyai 7 tahap ukuran dan nilai skor yang berlainan. Jadual 1 menunjukkan bilangan item bagi soal selidik kajian.

Jadual 1: Bilangan item bagi soal selidik kajian

Konstruk	Sub-Konstruk	Jumlah Item
Memobilia	Personaliti	5
	Mobiliti	5
	Penyuntingan	5
	Ketersambungan	5
Kebergantungan Telefon Pintar	Pemahaman	5
	Orientasi	5
	Hiburan	5
	Spiritual	5
	Memori	5
Aset Digital	Perniagaan	5
	Aset Digital Data Peribadi	5
	Aset Digital Media Sosial	5
	Aset Digital Kewangan	5
Kesedaran Wasiat Digital	Kesedaran Wasiat Aset Digital	5

Prosedur Analisis Data Kuantitatif

Hasil kajian kuantitatif melalui soal selidik dianalisis secara sistematik menggunakan prosedur PLS-SEM. Prosedur sistematik ini bertujuan mengeksplorasi hubungan setiap pemboleh ubah dan item berpandu kepada objektif kajian. Penggunaan PLS-SEM dilakukan berikutan keupayaannya menghasilkan diagram atau visual yang boleh menterjemah makna (Yahaya, 2020). Proses analisa ini juga melibatkan pengukuran model berstruktur seperti yang dicadangkan oleh Henseler and Chin (2010) kerana berupaya menganalisa pemboleh ubah kajian yang bersifat hierarki.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Soal selidik telah diedarkan kepada 395 responden belia di Malaysia. Secara umumnya, Jadual 2 menunjukkan latar belakang keseluruhan responden yang terlibat bagi kajian di peringkat kuantitatif ini. Daripada jumlah 395 responden, sebanyak 55.4 peratus adalah mewakili belia kategori bandar, manakala 44.6 peratus mewakili belia bagi kategori luar bandar. Sementara itu, lebih separuh belia yang menjadi responden juga adalah belia perempuan dengan peratusan 66.3 peratus berbanding belia lelaki dengan peratusan 33.7 peratus. Seterusnya, hamper satu pertiga belia ini memiliki Ijazah Sarjana Muda dan Diploma atau Sijil Tertinggi Pelajaran Malaysia sebagai pendidikan tertinggi dengan masing-masing mewakili 32.7 peratus dan 32.2 peratus dari jumlah peratusan responden. Secara puratanya pendapatan bulanan tertinggi bagi belia ini pula adalah kurang dari RM1000 dengan jumlah peratusan sebanyak 54.7 peratus dan majoriti dari belia ini juga berstatus bujang dengan peratusan keseluruhan adalah 82.3 peratus.

Jadual 2: Latar belakang responden

Latar Belakang	Frekuensi	Peratus (%)
Kategori Belia		
Luar bandar	176	44.6
Bandar	219	55.4
Jantina		
Lelaki	133	33.7
Perempuan	262	66.3
Pendidikan Tertinggi		
SPM	55	13.9
Asasi / Matrikulasi / Sijil	84	21.3
STPM / Diploma	127	32.2
Ijazah Sarjana Muda	129	32.7
Pendapatan Bulanan		
Kurang dari RM1000	216	54.7
RM1001 – RM2000	90	22.8
RM2001 – RM3000	42	10.6
RM3001 – RM4000	34	8.6
RM4001 – RM5000	10	8.6
RM5001 dan keatas	3	0.8
Status Perkahwinan		
Bujang	325	82.3
Berkahwin	67	17.0

Profil Pemilikan dan Penggunaan Telefon Pintar

Hasil kajian ini turut meneliti pemilikan dan penggunaan telefon pintar oleh responden bertujuan memahami secara umum mengenai tempoh pemilikan telefon pintar dan corak penggunaan telefon pintar dalam kalangan responden. Secara puratanya, Jadual 3 menunjukkan bahawa separuh dari responden ini telah memiliki telefon pintar selama lebih dari 7 tahun dengan jumlah peratus sebanyak 56.2 peratus, diikuti 5 sehingga 7 tahun pemilikan dengan jumlah peratus sebanyak 27.6 peratus. Belia ini turut menghabiskan masa selama 5 sehingga 6 jam sehari yang mewakili jumlah peratus sebanyak 28.3 peratus bagi penggunaan telefon pintar.

Dari segi pengurusan saiz memori telefon pintar, majoriti dari mereka (82 peratus) responden turut bersetuju bahawa saiz memori bagi telefon pintar adalah sangat penting dari segi penggunaannya. Maka dapat dirumuskan bahawa belia yang menjadi responden bagi kajian ini adalah golongan yang berpelajaran dan memerlukan telefon pintar sebagai alat komunikasi bagi mengurus kehidupan seharian. Kenyataan ini juga berpandu kepada tempoh pemilikan dan corak penggunaan telefon pintar oleh golongan belia ini. Data ini turut menjelaskan bahawa mereka mempunyai pengalaman peribadi yang luas dalam penggunaan telefon pintar.

Jadual 3: Profil pemilikan dan penggunaan telefon pintar

Latar Belakang	Frekuensi	Peratus (%)
Pemilikan Telefon Pintar		
Kurang dari setahun	1	0.3
1 tahun – 2 tahun	8	2.1
3 tahun – 4 tahun	55	13.9
5 tahun – 6 tahun	109	27.6
Lebih dari 7 tahun	222	56.2
Penggunaan Telefon Pintar		
1 jam – 2 jam	38	9.6
3 jam – 4 jam	109	27.6
5 jam – 6 jam	112	28.3
7 jam – 8 jam	50	12.7
9 jam dan lebih	86	21.8
Mementingkan Saiz Memori Telefon Pintar		
Ya	324	82.0
Tidak	71	18.0

Pengukuran Model Berstruktur

Pengukuran model berstruktur melibatkan analisa ujian kesahan konstruk yang melalui dua penilaian iaitu kesahan menumpu dan kesahan pembeza seperti pengukuran model berstruktur peringkat pertama. Bagi ujian kesahan menumpu, berikut merupakan dapatan analisa penilaian kesahan tumpu model berstruktur yang merangkumi analisa faktor muatan, ujian kebolehpercayaan Cronbach Alpa, kebolehpercayaan komposit dan nilai AVE.

a) *Penilaian Pertama: Ujian Kesahan Menumpu*

Bagi ujian kesahan menumpu, berikut merupakan dapatan analisa penilaian kesahan tumpu model berstruktur yang merangkumi analisa faktor muatan, pembuangan item, ujian kebolehpercayaan Cronbach Alpa, kebolehpercayaan komposit dan nilai AVE:

(i) *Analisa Faktor Muatan*

Penilaian nilai faktor muatan bagi pengukuran model dilaporkan dalam Jadual 4. Dapatan analisa mendapati, kesemua sub-konstruk yang digunakan bagi mengukur pemboleh ubah laten menepati syarat yang diperlukan iaitu nilai faktor muatan yang melebihi 0.70 (Hair et al., 2017). Namun begitu, terdapat satu indikator yang tidak menepati syarat tersebut iaitu indikator spiritual dengan nilai faktor muatan sebanyak 0.440.

Jadual 4: Nilai faktor muatan bagi pengukuran model

Pemboleh Ubah Laten	Sub-konstruk	Faktor Muatan (>0.70)	t-statistik	Nilai-p
Memobilia	^a Personaliti	0.727	24.635**	<.01
	^a Mobiliti	0.867	62.439**	<.01
	^a Penyuntingan	0.786	35.796**	<.01
	^a Ketersambungan	0.766	31.810**	<.01
Kebergantungan Telefon Pintar	^a Pemahaman	0.812	42.769**	<.01
	^a Orientasi	0.815	40.880**	<.01
	^a Hiburan	0.733	24.343**	<.01
	^a Spiritual	0.440	8.034**	<.01
	^a Memori	0.850	61.470**	<.01
Aset Digital	^a Perniagaan	0.786	42.847**	<.01
	^a Aset Digital Data Peribadi	0.844	43.205**	<.01
	^a Aset Digital Media Sosial	0.801	31.184**	<.01
Kesedaran Wasiat Aset Digital	^a Aset Digital Kewangan	0.831	55.279**	<.01
	E77	0.891	52.923**	<.01
	E78	0.930	89.720**	<.01
	E79	0.925	70.530**	<.01
	E80	0.875	35.284**	<.01

Nota: alni adalah pemboleh ubah laten daripada pengiraan skor pemboleh ubah laten (LVS); Nilai faktor muatan adalah signifikan pada tahap 95% darjah keyakinan sekiranya nilai t-statistik melebihi 1.96*, manakala nilai faktor muatan adalah signifikan pada tahap 99% darjah keyakinan sekiranya nilai t-statistik melebihi 2.58**

(ii) *Pembuangan Item*

Jadual 5 menunjukkan nilai faktor muatan bagi pengukuran model yang melepasi had minima faktor muatan setelah sub-konstruk spiritual dibuang disebabkan tidak melepasi had minima faktor muatan 0.70. Dapatan analisa turut menunjukkan bahawa setiap item adalah signifikan pada tahap sebanyak 5% darjah kesignifikanan terhadap pemboleh ubah laten masing-masing. Maka, terbukti bahawa setiap sub-konstruk yang digunakan bagi mengukur pemboleh ubah laten pada peringkat tapisan adalah sah daripada segi dapatan faktor muatan.

Jadual 5: Faktor muatan bagi pengukuran model melebihi had minima faktor muatan

Pemboleh Ubah Laten	Sub-konstruk	Faktor Muatan (>0.70)	t-statistik	Nilai-p
Memobilia	^a Personaliti	0.726	24.024**	<.01
	^a Mobiliti	0.868	61.344**	<.01
	^a Penyuntingan	0.784	35.478**	<.01
	^a Sambungan	0.769	32.420**	<.01
Kebergantungan Telefon Pintar	^a Pemahaman	0.816	43.446**	<.01
	^a Orientasi	0.825	42.739**	<.01
	^a Hiburan	0.729	23.895**	<.01
	^a Memori	0.851	57.946**	<.01
Aset Digital	^a Perniagaan	0.791	42.490**	<.01
	^a Peribadi	0.844	42.444**	<.01
	^a Media Sosial	0.799	30.675**	<.01
Kesedaran Wasiat Aset Digital	^a Kewangan	0.833	56.726**	<.01
	E77	0.891	52.337**	<.01
	E78	0.930	91.508**	<.01
	E79	0.925	69.582**	<.01
	E80	0.875	36.233**	<.01

Nota: a - Ini adalah pemboleh ubah laten daripada pengiraan skor pemboleh ubah laten (LVS); Nilai faktor muatan adalah signifikan pada tahap 95% darjah keyakinan sekiranya nilai t-statistik melebihi 1.96*, manakala nilai faktor muatan adalah signifikan pada tahap 99% darjah keyakinan sekiranya nilai t-statistik melebihi 2.58**

(iii) *Ujian Kebolehpercayaan Cronbach Alpa, Kebolehpercayaan Komposit dan Purata Variasi Penerangan (AVE)*

Jadual 6 menunjukkan ujian kebolehpercayaan dan juga nilai purata variasi penerangan (AVE) bagi setiap pemboleh ubah laten di dalam pengukuran model. Dapatan analisa menunjukkan bahawa setiap pemboleh ubah laten mempunyai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima kerana kesemua nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpa melebihi had minima 0.70 (Hair et al., 2017; Cronbach, 1971). Dapatan analisa juga menunjukkan nilai kebolehpercayaan komposit telah melebihi 0.70 iaitu merupakan tahap paling minimum (Nunally & Bernstein, 1994) untuk semua konstruk dan tidak kurang daripada 0.80 (Fornell & Larcker, 1981). Disamping itu, nilai AVE bagi setiap pemboleh ubah laten juga melebihi nilai had minima iaitu 0.50 dengan julat 0.621 sehingga 0.820. Oleh itu, dapat disimpulkan juga, jumlah purata variasi penerangan oleh kumpulan indikator untuk menerangkan sesuatu pemboleh ubah laten adalah sekurang-kurangnya 56.6%.

Jadual 6: Ujian kebolehpercayaan dan purata variasi penerangan bagi pengukuran model

Pemboleh Ubah Laten	Nilai Cronbach Alpa (α) (>0.70)	Kebolehpercayaan Komposit (ρ) (>0.70)	Purata Variasi Penerangan AVE (>0.50)
Memobilia	0.795	0.867	0.621
Kebergantungan Telefon Pintar	0.862	0.901	0.646
Aset Digital	0.769	0.866	0.682
Kesedaran Wasiat Aset Digital	0.927	0.948	0.820

b) *Penilaian Kedua: Ujian Kesahan Pembeza*

Bagi ujian kesahan pembeza pula, berikut merupakan dapatan analisa yang menerangkan penilaian kesahan pembeza bagi model berstruktur yang merangkumi analisa ujian Fornell-Larcker dan ujian Heterotrait Monotrait-HTMT.

(i) *Ujian Fornell-Larcker Kesahan Pembeza Pemboleh Ubah Laten*

Jadual 7 menunjukkan dapatan ujian Fornell-Larcker kesahan pembeza bagi pemboleh ubah laten. Dapatan analisa menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah laten adalah sah dari segi pembeza kerana nilai selain diagonal di dalam matrik tersebut adalah lebih rendah daripada nilai diagonal (Fornell dan Larcker, 1981).

Jadual 7: Ujian Fornell-Larcker kesahan pembeza pemboleh ubah laten bagi pengukuran model

	(1)	(2)	(3)	(4)
(1)	.788			
(2)	.705	.803		
(3)	.625	.671	.826	
(4)	.130	.254	.281	.906

Nota: (1) = Memobilia; (2) = Kebergantungan Telefon Pintar; (3) = Aset Digital; (4) = Kesedaran Wasiat Aset Digital; Nilai diagonal di dalam matrix (dihitamkan) adalah nilai punca kuasa AVE untuk setiap pemboleh ubah laten; Nilai selain nilai diagonal di dalam matrix adalah nilai kolerasi di antara pemboleh ubah laten.

(ii) *Ujian HTMT Kesahan Pembeza Pemboleh Ubah Laten*

Jadual 8 menunjukkan dapatan ujian HTMT kesahan pembeza bagi pemboleh ubah laten. Dapatan analisa juga menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah laten adalah sah dari segi pembeza kerana nilai-nilai nisbah HTMT adalah kurang dari 0.85 (Henseler et al., 2015).

Jadual 8: Ujian HTMT kesahan pembeza pemboleh ubah laten bagi pengukuran model

	(1)	(2)	(3)	(4)
(1)	-			
(2)	.762	-		
(3)	.796	.806	-	
(4)	.149	.282	.330	-

Nota: (1) = Memobilia; (2) = Kebergantungan Telefon Pintar; (3) = Aset Digital; (4) = Kesedaran Wasiat Aset Digital.

Penilaian Keputusan PLS-SEM Model Struktural

Prosedur seterusnya melibatkan analisa PLS-SEM yang merujuk kepada penilaian keputusan PLS-SEM bagi model struktural. Penilaian ini melibatkan penstrukturan model berdasarkan model yang terhasil dari proses pengukuran model. Model struktur berperanan dalam memberikan maklumat mengenai ramalan laluan hipotesis yang dibina dalam kajian ini. Prosedur analisa PLS-SEM ini merangkumi empat penilaian yang disyorkan oleh Hair et al. (2010), iaitu penilaian tahap ketepatan peramalan (R^2), penilaian kerelevanan peramalan (Q^2), penilaian saiz kesan ketepatan peramalan (f^2), penilaian signifikan dan relevan hubungan model struktural. Perbincangan berikut akan memperinci keputusan penilaian-penilaian tersebut.

a) *Penilaian Tahap Ketepatan Peramalan (R^2)*

Penilaian tahap ketepatan peramalan (R^2) dijalankan bertujuan bagi mengetahui peratusan penerangan pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar (Hair et al., 2017). Jadual 9 menunjukkan nilai R^2 bagi pemboleh ubah kebergantungan telefon pintar adalah 0.648. Nilai ini menunjukkan bahawa, pemboleh ubah tidak bersandar memobilia dapat menerangkan sebanyak 64.8% variasi penerangan terhadap pemboleh ubah bersandar kebergantungan telefon pintar. Sementara itu, nilai R^2 bagi pemboleh ubah aset digital adalah 0.470. Nilai ini menunjukkan bahawa, pemboleh ubah tidak bersandar memobilia dan kebergantungan telefon pintar dapat menerangkan sebanyak 47.0% variasi penerangan terhadap pemboleh ubah bersandar aset digital.

Manakala nilai R^2 bagi pemboleh ubah kesedaran wasiat aset digital adalah 0.082. Nilai ini menunjukkan bahawa, pemboleh ubah tidak bersandar memobilia dan aset digital dapat menerangkan sebanyak 8.2% variasi penerangan terhadap pemboleh ubah bersandar kesedaran wasiat aset digital. Maka, kategori nilai R^2 dapat dinyatakan sebagai tinggi bagi pemboleh ubah bersandar kebergantungan telefon pintar, sederhana bagi pemboleh ubah bersandar aset digital dan lemah bagi pemboleh ubah bersandar kesedaran wasiat aset digital. (Hair et al., 2017; Ringle et al., 2013).

Jadual 9: Penilaian tahap ketepatan peramalan (R^2) bagi penstrukturan model berstruktur

Pemboleh ubah Bersandar	R^2	Kategori R^2
Kebergantungan Telefon Pintar	0.648	Tinggi
Aset Digital	0.470	Sederhana
Kesedaran Wasiat Aset Digital	0.082	Lemah

b) *Penilaian Kerelevanan Peramalan (Q^2)*

Seterusnya, penilaian kerelevanan peramalan (Q^2) juga dijalankan bagi mengukur penilaian keseluruhan ramalan bagi setiap pemboleh ubah bersandar (Hair et al., 2017). Jadual 10 menunjukkan dapatan nilai Q^2 bagi pemboleh ubah bersandar kebergantungan telefon pintar, aset digital dan kesedaran wasiat aset digital dengan masing-masing mewakili nilai 0.413, 0.310 dan 0.064. Walaupun nilai Q^2 bagi model ini adalah bersifat sederhana dan lemah, secara keseluruhan penilaian kesesuaian ramalan bagi model ini adalah baik kerana kesemua nilai Q^2 bagi pemboleh ubah bersandar adalah melebihi sifar (Hair et al., 2017; Ringle et al., 2013).

Jadual 10: Penilaian kerelevanan peramalan (Q^2) bagi penstrukturan model berstruktur

Pemboleh ubah Bersandar	Q^2	Kategori Q^2
Kebergantungan Telefon Pintar	0.413	Sederhana
Aset Digital	0.310	Sederhana
Kesedaran Wasiat Aset Digital	0.064	Lemah

c) *Penilaian Saiz Kesan Ketepatan Peramalan (f^2)*

Dalam pada masa yang sama, penilaian saiz kesan ketepatan peramalan (f^2) bagi pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar juga dijalankan. Dapatan yang dilaporkan di dalam Jadual 11 mendapati, memobilia memberi saiz kesan yang tinggi terhadap pemboleh ubah bersandar kebergantungan telefon pintar dengan melihat kepada nilai (f^2) iaitu 0.745. Sementara

itu, memobilia memberi saiz kesan yang lemah terhadap pemboleh ubah bersandar aset digital dengan melihat kepada nilai (f^2) iaitu 0.039. Memobilia turut memberi saiz kesan yang lemah terhadap pemboleh ubah bersandar kesedaran wasiat aset digital dengan melihat kepada nilai (f^2) iaitu 0.004.

Dalam pada masa yang sama, kebergantungan telefon pintar memberi saiz kesan yang sederhana terhadap pemboleh ubah bersandar aset digital dengan melihat kepada nilai (f^2) iaitu 0.150. Manakala aset digital memberi kesan yang lemah terhadap pemboleh ubah bersandar kesedaran wasiat aset digital dengan melihat kepada nilai (f^2) iaitu 0.071.

Jadual 11: Penilaian saiz kesan ketepatan peramalan (f^2) bagi penstrukturan model berstruktur

Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	Pemboleh Ubah Bersandar	Saiz kesan (f^2)	Kategori
Memobilia	Kebergantungan Telefon Pintar	0.745	Tinggi
Memobilia	Aset Digital	0.039	Lemah
Memobilia	Kesedaran Wasiat Aset Digital	0.004	Lemah
Kebergantungan Telefon Pintar	Aset Digital	0.150	Sederhana
Aset Digital	Kesedaran Wasiat Aset Digital	0.071	Lemah

Penilaian Signifikan dan Relevan Hubungan bagi Penstrukturan Model Berstruktur

Seterusnya, penilaian signifikan dan relevan hubungan dilihat dengan menilai saiz pekali lintasan. Signifikan dan relevan hubungan dilihat daripada nilai muatan pekali lintasan antara kesemua pemboleh ubah. Secara tidak langsung, pekali lintasan bertujuan menentukan sama ada hipotesis yang dibina itu berbentuk signifikan atau tidak signifikan. Berikut merupakan dapatan analisa yang merangkumi penilaian pekali lintasan dan penilaian pekali lintasan penengah (*mediator*).

Menerusi prosedur sistematik PLS-SEM, analisa bootstrap dijalankan bagi menguji kesignifikanan pekali lintasan dengan melihat kepada nilai t-statistik dan juga 95% selang keyakinan Bootstrap (Hair et al., 2017). Kaedah bootstrapping digunakan seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (2010) kerana kaedah ini melibatkan pensampelan rawak berulang dengan menggantikan set data asal untuk mewujudkan sampel bootstrap dan bagi mendapatkan ralat piawai dalam pengujian hipotesis. Oleh itu, sebanyak 5000 bootstrap sampel di lakukan bagi menjalankan ujian kesignifikanan pekali lintasan penstrukturan model.

Jadual 12 menunjukkan dapatan analisa pekali lintasan bagi penstrukturan model yang dibina. Kesan secara langsung antara MM → KB menunjukkan signifikan dengan nilai pekali 0.805 dan nilai t-value 47.538. Kesan secara langsung antara MM → AD signifikan dengan nilai pekali 0.242 dan nilai t-value 4.028. Begitu juga dengan kesan secara langsung antara KB → AD juga adalah signifikan dengan nilai pekali 0.475 dan nilai t-value 7.907. Kesan secara langsung turut sama dilihat berlaku antara AD → KS dengan nilai pekali 0.327 dan nilai t-value 4.975.

Walau bagaimanapun, lintasan MM → KS tidak signifikan kerana nilai t-value kurang daripada 1.96 dengan nilai pekali 1.146. Maka dapatan yang dilaporkan menunjukkan bahawa kesemua lintasan adalah signifikan kecuali lintasan MM → KS. Begitu juga dengan kesan secara langsung Bootstrap, di mana julat bagi kedua-dua jenis selang keyakinan Bootstrap (*Bootstrap-t dan Bootstrap BCa*) mempunyai nilai sifar (Hair et al., 2017).

Jadual 12: Nilai pekali lintasan bagi penstrukturan model berstruktur

Lintasan	Pekali Lintasan	t-statistik (>1.96)	Nilai-p	95% Selang Keyakinan Bootstrap	
				Bootstrap-t	Bootstrap BCa
MM → KB	0.805	47.538**	<.01	(0.771, 0.837)	(0.768, 0.834)
MM → AD	0.242	4.028**	<.01	(0.126, 0.361)	(0.126, 0.361)
MM → KS	-0.074	1.146 (TS)	.252	(-0.199, 0.050)	(-0.199, 0.050)
KB → AD	0.475	7.907**	<.01	(0.360, 0.592)	(0.358, 0.590)
AD → KS	0.327	4.975**	<.01	(0.202, 0.457)	(0.195, 0.450)

Nota: MM = Memobilia; AD = Aset Digital; KB = Kebergantungan Telefon Pintar; KS = Kesedaran Wasiat Aset Digital; TS = Tidak Signifikan; BCa = Bias Corrected; Nilai pekali lintasan adalah signifikan pada tahap 95% darjah keyakinan sekiranya nilai t-statistik melebihi 1.96*, manakala nilai pekali lintasan adalah signifikan pada tahap 99% darjah keyakinan sekiranya nilai t-statistik melebihi 2.58**.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa memobilia mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap kebergantungan telefon pintar ($\hat{\beta} = 0.805$, $t = 47.538$, $p < .01$) dan juga aset digital ($\hat{\beta} = 0.242$, $t = 4.028$, $p < .01$) namun tidak signifikan terhadap kesedaran wasiat aset digital ($\hat{\beta} = -0.074$, $t = 1.146$, $p = .252$). Maka sekiranya tahap pengaruh memobilia adalah tinggi, ianya akan memberi kesan yang tinggi terhadap kebergantungan telefon pintar dan penghasilan aset digital. Namun tahap pengaruh Memobilia yang tinggi tidak akan memberi kesan yang tinggi terhadap kesedaran wasiat aset digital.

Sementara itu, analisa turut menunjukkan bahawa kebergantungan telefon pintar mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap aset digital ($\hat{\beta} = 0.475$, $t = 7.907$, $p < .01$). Maka dapatan analisa menunjukkan bahawa, sekiranya tahap kebergantungan telefon pintar adalah tinggi, ianya juga akan memberi kesan yang tinggi terhadap penghasilan aset digital. Disamping itu, aset digital juga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap kesedaran wasiat aset digital ($\hat{\beta} = 0.327$, $t = 4.975$, $p < .01$). Maka ini turut menjelaskan bahawa sekiranya tahap penghasilan aset digital adalah tinggi, ianya juga akan memberi kesan yang tinggi terhadap kesedaran wasiat aset digital.

Nilai Pekali Lintasan Penengah (Mediator)

Selain itu, analisa dapatan turut melibatkan penilaian pekali lintasan penengah (*mediator*). Daripada Jadual 13, didapati pemboleh ubah kebergantungan telefon pintar boleh dinyatakan sebagai pemboleh ubah penengah bagi hubungan MM → AD. Hal ini merujuk kepada Jadual 4.19 yang menunjukkan bahawa pemboleh ubah kebergantungan telefon pintar memberi impak penengah yang signifikan ($\hat{\beta} = 0.383$, $t = 7.588$, $p < .01$). Pemboleh ubah aset digital pula memberi impak penengah yang signifikan terhadap hubungan MM → KS ($\hat{\beta} = 0.079$, $t = 3.102$, $p < .01$). Secara keseluruhannya, kedua-dua pemboleh ubah penengah iaitu kebergantungan telefon pintar dan aset digital turut dirumuskan mempunyai impak penengah yang signifikan terhadap hubungan MM → KS ($\hat{\beta} = 0.125$, $t = 3.905$, $p < .01$).

Hal ini dapat dibuktikan melalui analisa 95% selang keyakinan Bootstrap bagi analisa penengah. Situasi ini merujuk kepada dapatan 95% selang keyakinan Bootstrap yang ditunjukkan dalam Jadual 4.21 dengan nilai julat bagi kedua-dua jenis selang keyakinan Bootstrap (*Bootstrap-t dan Bootstrap BCa*) tidak mempunyai nilai sifar. Maka nilai pekali lintasan penengah boleh diyakini sebagai signifikan (Hair et al., 2017).


Jadual 13: Nilai pekali lintasan penengah (mediator) bagi penstrukturan model berstruktur

Analisa Lintasan Penengah	Pekali Lintasan Penengah	t-statistik (>1.96)	Nilai-p	95% Selang Keyakinan Bootstrap	
				Bootstrap-t	Bootstrap BCa
MM → KB → AD	0.383	7.588**	<.01	(0.287, 0.481)	(0.286, 0.479)
MM → AD → KS	0.079	3.102**	<.01	(0.036, 0.135)	(0.038, 0.138)
MM → KB → AD → KS	0.125	3.905**	<.01	(0.069, 0.195)	(0.067, 0.192)


Nota: MM = Memobilia; AD = Aset Digital; KB = Kebergantungan Telefon Pintar; KS = Kesedaran Wasiat Aset Digital; TS = Tidak Signifikan; BCa = Bias Corrected; Nilai pekali lintasan adalah signifikan pada tahap 95% darjah keyakinan sekiranya nilai t-statistik melebihi 1.96*, manakala nilai pekali lintasan adalah signifikan pada tahap 99% darjah keyakinan sekiranya nilai t-statistik melebihi 2.58**.

Penilaian Model Hipotesis

Rajah 1 menunjukkan hasil analisis model hipotesis kajian yang memenuhi kriteria penilaian model pengukuran berdasarkan prosedur analisis *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM).



Rajah 1: Analisa PLS-SEM bagi penstrukturan model berstruktur



Rajah 2: Analisa PLS-SEM bagi penstrukturan model berstruktur (analisa *bootstrap*)

Keputusan Ujian Hipotesis

Maka, setelah melalui analisa pengukuran model dan penstrukturan model dengan menggunakan kaedah dua peringkat (*two-stage*) yang dicadangkan oleh Henseler dan Chin (2010), keputusan hipotesis kajian dapat dirumuskan seperti dalam Jadual 14.

Jadual 14: Keputusan ujian hipotesis bagi belia yang dikaji

Hipotesis	Kenyataan Hipotesis	Keputusan
H1	Terdapat hubungan dan perkaitan yang signifikan antara memobilia dengan kebergantungan telefon pintar dalam kalangan belia.	Terima hipotesis
H2	Terdapat hubungan dan perkaitan yang signifikan antara memobilia dengan aset digital dalam kalangan belia.	Terima hipotesis
H3	Terdapat hubungan dan perkaitan yang signifikan antara memobilia dengan kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia.	Tolak hipotesis
H4	Terdapat hubungan dan perkaitan yang signifikan antara kebergantungan telefon pintar dengan aset digital dalam kalangan belia.	Terima hipotesis
H5	Terdapat hubungan dan perkaitan yang signifikan antara aset digital dengan kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia.	Terima hipotesis
H6	Terdapat hubungan dan perkaitan signifikan mengenai kebergantungan telefon pintar dalam memberi impak penengah (<i>mediator</i>) terhadap hubungan memobilia dan aset digital dalam kalangan belia.	Terima hipotesis

H7	Terdapat hubungan dan perkaitan signifikan mengenai aset digital dalam memberi impak penengah (<i>mediator</i>) yang signifikan terhadap hubungan memobilia dan kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia.	Terima hipotesis
H8	Terdapat hubungan dan perkaitan signifikan mengenai kebergantungan telefon pintar dan aset digital dalam memberi impak penengah (<i>mediator</i>) yang signifikan terhadap hubungan memobilia dan kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia.	Terima hipotesis

PERBINCANGAN

Secara umumnya, terdapat empat penemuan penting yang boleh dirumuskan dalam menilai hubungan memobilia, kebergantungan telefon pintar dan aset digital terhadap kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia. Oleh sebab itu, perbincangan ini akan menghurai dengan lebih mendalam mengenai hasil kajian dan turut disokong bersama hujah yang dibuat oleh pengkaji terdahulu. Penemuan pertama menunjukkan bahawa memobilia mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap kebergantungan telefon pintar dan juga aset digital, namun tidak signifikan terhadap kesedaran wasiat aset digital. Maka hasil kajian telah menerangkan bahawa sekiranya pengaruh memobilia adalah tinggi, ianya juga memberi kesan yang tinggi terhadap kebergantungan telefon pintar dan pembentukan aset digital dalam kalangan belia. Namun tahap pengaruh memobilia yang tinggi tidak memberi kesan yang tinggi terhadap kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia. Penemuan kedua pula menunjukkan bahawa kebergantungan telefon pintar mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap aset digital. Maka hasil kajian ini menerangkan bahawa sekiranya tahap kebergantungan telefon pintar adalah tinggi, ianya juga memberi kesan yang tinggi terhadap penghasilan aset digital dalam kalangan belia. Seterusnya, penemuan ketiga menunjukkan bahawa aset digital juga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap kesedaran wasiat aset digital. Maka hasil kajian ini menerangkan bahawa sekiranya tahap pembentukan aset digital adalah tinggi, ianya juga memberi kesan yang tinggi terhadap kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia.

Manakala penemuan keempat pula menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah penengah iaitu kebergantungan telefon pintar dan aset digital turut dirumuskan mempunyai impak penengah yang signifikan terhadap hubungan memobilia terhadap kesedaran wasiat aset digital. Berdasarkan kepada empat penemuan ini, jelas menunjukkan bahawa memobilia memerlukan kebergantungan telefon pintar dan aset digital bagi mewujudkan kesedaran wasiat aset digital dalam kalangan belia. Nijssen et al. (2018) menegaskan bahawa peranan telefon pintar sebagai alat pendigitalan memberi kepentingan kepada pengguna individu dalam memproses maklumat. Menurut mereka, telefon pintar telah mengambil alih fungsi asas fikiran manusia apabila keupayaannya mampu untuk mendigital, memproses dan menyusun maklumat dengan cepat dan sistematik. Penemuan Reading (2009) membuktikan bahawa peranan telefon pintar dari sudut memobilia jelas menerangkan kepentingannya sebagai alat pendigitalan utama bagi seseorang pengguna individu. Keupayaan ini telah memberi pengaruh kepada kebergantungan belia terhadap penggunaan telefon pintar.

Kebergantungan ini wujud disebabkan telefon pintar berupaya meringankan beban pengguna individu berikutan kebolehannya mengurus hampir kesemua aspek kehidupan (Kim, 2020). Susulan itu, keadaan ini telah menyebabkan pengguna individu, khususnya golongan belia membentuk pelbagai jenis kandungan digital merangkumi data peribadi, data rangkaian sosial dan data kewangan (Cahn 2011). Data dan maklumat digital milik pengguna individu ini secara khususnya mempunyai nilai seperti nilai privasi, nilai sensitiviti, dan nilai monetari (Rumbold & Pierscionek, 2018). Oleh itu, sekiranya pengguna individu tersebut mempunyai kesedaran bahawa data dan maklumat digital ini adalah aset yang amat berharga, maka mereka akan memikirkan mengenai kepentingan pengurusan aset digital ini melalui wasiat digital (Harbinja, 2017).

Maka, terbukti bahawa kajian ini memberi implikasi kepada amalan komunikasi digital dalam kalangan pengguna individu. Bentuk komunikasi yang merangkumi lisan, tulisan, simbol, visual, bunyi dan perasaan telah melalui proses pendigitalan dalam abad ke 21 ini. Transformasi ini berlaku apabila alat komunikasi digital dengan ketersambungan Internet seperti telefon pintar telah digunakan sebagai medium utama bagi aktiviti pendigitalan. Dalam pada masa yang sama, amalan perhubungan secara dalam talian yang dipraktik oleh seluruh masyarakat di dunia telah membentuk konsep masyarakat jaringan. Teknologi komunikasi ini bukan sahaja memudahkan urusan harian pengguna individu, malah turut mempengaruhi cara dan proses komunikasi digital berlaku dalam kalangan masyarakat jaringan.

Peluang untuk berkomunikasi secara meluas, berterusan tanpa henti, dan di mana mana, bukan hanya berlaku antara individu dengan individu yang lain. Namun proses komunikasi digital hari ini turut berlaku di antara individu dengan mesin dan juga mesin dengan mesin. Konteks mesin dalam perbincangan ini merujuk kepada teknologi komunikasi seperti telefon pintar dan pelbagai platform komunikasi berasas Internet seperti aplikasi sosial, jaringan sosial dan teknologi web 2.0. Ciri-ciri konvergen dan capaian global telah menyebabkan pendigitalan data, maklumat serta memori berlaku kerana pengguna individu bergantung kepada teknologi komunikasi seperti telefon pintar bagi memenuhi matlamat komunikasi harian mereka. Implikasinya, teknologi komunikasi digital seperti telefon pintar tidak hanya berfungsi sebagai alat komunikasi kerana turut diguna sebagai alat pendigitalan memori yang membantu meringankan beban pengguna dalam mengurus data dan maklumat digital.

Data, maklumat dan memori digital terhasil dari proses komunikasi dalam talian dan pembentukannya berlaku secara berterusan tanpa henti dalam kalangan pengguna individu khususnya golongan belia. Malah, pendigitalan data, maklumat dan memori melalui fungsi memobilia telah memberi cabaran kepada pengguna individu dalam mengurus maklumat digital yang turut boleh diklasifikasi sebagai bentuk aset yang sangat berharga. Hasil kajian turut menilai hubungan pembentuk aset digital dan kesedaran wasiat aset digital sebagai pengetahuan baru yang merupakan implikasi dari pengamalan teknologi komunikasi digital dalam abad ke 21. Cadangan bagi konsep memobilia, aset digital dan wasiat aset digital untuk diterokai secara meluas dalam bidang komunikasi dan media baharu adalah sangat penting kerana implikasi ini merupakan sebahagian dari proses revolusi komunikasi digital. Malah, konsep-konsep ini turut mencabar keupayaan seseorang pengguna individu dalam proses pengurusan data digital yang turut mempunyai kepentingan yang besar kepada isu-isu seperti kebergantungan media, pengawasan privasi dalam talian dan pemilikan hak digital milik pengguna individu.

Dalam pada itu, penyelidikan ini turut memfokuskan kepada pembangunan negara yang turut menggalakkan pencambahan ekonomi digital di Malaysia. Sumbangan penyelidikan ini dilihat berupaya menggambarkan inisiatif relevan masa depan yang perlu dirangka oleh pihak kerajaan dan pihak lain yang bertanggungjawab bagi menghadapi cabaran kepesatan teknologi komunikasi dan media baharu. Usaha pihak kerajaan Malaysia dan pihak lain yang bertanggungjawab dalam bidang ini wajar dipuji dengan melihat kepada Rancangan Malaysia ke-11 yang memfokuskan infrastruktur digital sebagai salah satu bidang tumpuan utama. Penemuan penyelidikan ini sekaligus dilihat sebagai implikasi yang signifikan dalam memberi gambaran mengenai kesan teknologi komunikasi dan media baharu yang memerlukan sorotan penting berkaitan dengan perundangan dan polisi yang berupaya mengawal selia isu berkaitan pengurusan data bagi pengguna individu. Tambahan pula, tiada inisiatif terdahulu yang dirangka kerajaan berfokuskan kepada pengurusan data dan maklumat pengguna individu selepas kematian. Inisiatif-inisiatif sedia ada hanya lebih memfokuskan kepada perlindungan hak peribadi dan pengawalan pengawasan privasi dalam talian.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi kesedaran umum kepada pengguna mengenai peranan yang wujud dalam elemen *memobilia* dan kesedaran wasiat digital. Teknologi masa kini bukan sekadar mencabar penglibatan aktif pengguna, namun kecanggihannya turut membawa pengkaji kepada persoalan privasi dan pengurusan aset digital yang bakal timbul selepas pengguna teknologi komunikasi dalam abad ke 21 ini meninggal dunia. Penyelidikan ini membantu memberi penemuan baharu kepada bidang media dan digital di Malaysia. Melihat akan kepentingan teknologi komunikasi dan media baharu dalam merealisasikan transformasi digital di Malaysia, teknologi yang menghasilkan data atau aset digital dalam kehidupan pengguna belia di Malaysia wajar diberikan perhatian. Kesedaran yang melibatkan isu pengurusan data digital ini perlu diolah dengan lebih terperinci agar seiring dengan matlamat dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi pada masa akan datang. Selain itu, penghasilan aset digital akan terus meningkat selagi Internet dan peralatan telekomunikasi berkembang dengan baik. Oleh itu, konsep wasiat digital dalam menghadapi kematian sememangnya penting dalam persekitaran digital pada hari ini untuk pengguna terus relevan menggunakan telefon pintar dalam era revolusi industri ke-4 yang lebih mencabar.

Oleh sebab itu, kajian tidak hanya tertumpu kepada amalan komunikasi digital bagi seseorang pengguna individu ketika hidup, malah kajian ini tertumpu kepada aspek yang akan berlaku selepas seseorang pengguna itu meninggal dunia. Terbukti, pengamalan komunikasi digital pada zaman globalisasi telah memberi kesan yang besar kepada kehidupan pengguna walaupun selepas seseorang pengguna itu meninggal dunia. Maka, implikasi konsep wasiat aset digital melalui hubungan memobilia, kebergantungan telefon pintar dan aset digital sewajarnya diberi perhatian dalam bidang komunikasi digital. Ini berikutan konsep pengurusan data bagi menghadapi kematian merupakan implikasi penting yang wujud dari pengamalan manusia dengan teknologi komunikasi. Pengetahuan ini penting dalam menilai hubungan manusia dengan teknologi komunikasi agar pengurusan data selepas pengguna meninggal dunia dapat dilakukan secara efektif dan efisien.

BIODATA

Anuar Ali (PhD) adalah pensyarah kanan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara. Bidang kepakaran beliau adalah media digital dan komunikasi instruksional. Email: anuar0688@uitm.edu.my

Mohd Azul Mohamad Salleh (PhD) adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah media baharu dan teknologi komunikasi. Emel: azul@ukm.edu.my

Normah Mustaffa (PhD) merupakan Profesor di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialahewartawanan, komunikasi visual, media baharu dan literasi media. Email: normahm@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Agarwal, S., & Nath, A. (2021). A comprehensive study on scope and challenges in digital inheritance. *International Journal of Scientific Research in Computer Science Engineering and Information Technology*, 7(2), 98-104.
- Ahmad Mustopa, J. M. J., & Dasrun Hidayat. (2020). Pengalaman mahasiswa saat kelas online menggunakan aplikasi Zoom cloud meeting selama Covid-19. *Jurnal Digital Media dan Relationship*, 2(2), 75-84.
- Allred, R. J., & Atkin, D. (2020). Cell phone addiction, anxiety, and willingness to communicate in face-to-face encounters. *Communication Reports*, 33(3), 95-106.
- Ball-Rokeach, S. J. (1985). The origins of individual media-system dependency: A sociological framework. *Communication Research*, 12(4), 485-510.
- Bassett, D. J. (2022). The future of digital death. In *The creation and inheritance of digital afterlives: You only live twice* (pp. 147-165). Springer.
- Bernard, H. R. (2017). *Research methods in anthropology: Qualitative and quantitative approaches*. Rowman & Littlefield.
- Cahn, N. (2011). Postmortem life on-line. *Prob. & Prop.*, 36.
- Castells, M. (1999). *The information age: economy, society, and culture. Volume I: The Rise of the Network Society*. Wiley-Blackwell.
- Chan-Olmsted, S., & Xiao, M. (2019). Factors affecting smartphone dependency of media consumers. *International Journal of Mobile Communications*, 17(3), 353-375.
- Deng, T., Kanthawala, S., Meng, J., Peng, W., Kononova, A., Hao, Q., Zhang, Q., & David, P. (2019). Measuring smartphone usage and task switching with log tracking and self-reports. *Mobile Media & Communication*, 7(1), 3-23.
- Finley, J. R., Naaz, F., & Goh, F. W. (2018). Memory and technology. Springer.
- Goggin, G. (2021). *Apps: From mobile phones to digital lives*. John Wiley & Sons.
- Harbinja, E. (2017). Digital inheritance in the United Kingdom. *The Journal of European Consumer and Market Law (EuCML)*, 6(6), 253-256.
- Harris, A., & Cooper, M. (2019). Mobile phones: Impacts, challenges, and predictions. *Human Behavior and Emerging Technologies*, 1(1), 15-17.
- Henseler, J., & Chin, W. W. (2010). A comparison of approaches for the analysis of interaction effects between latent variables using partial least squares path modeling. *Structural Equation Modeling*, 17(1), 82-109.
- Heo, M., & Lee, K. J. (2018). Chatbot as a new business communication tool: The case of Naver Talktalk. *Business Communication Research and Practice*, 1(1), 41-45.
- Hodara, H., & Skaljo, E. (2021). From 1G to 5G. *Fiber and Integrated Optics*, 40(2-3), 85-183.
- IYRES. (2022). *Statistik belia Malaysia 2021 Vol. 9*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES); Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS).
<https://www.iyres.gov.my/images/penerbitan/Statistik%20Belia%20Malaysia%20Data%20Semasa%202021.pdf>
- Kim, Y. C. (2020). Media system dependency theory. *The International Encyclopedia of Media Psychology*, 1-17.

- Kirillova, E., Pavlyuk, A., Sidorenko, E., Blinkov, O., & Blinkova, E. (2019). Digital inheritance of social media accounts. *International Journal of Engineering and Advanced Technology*, 8(4), 963-967.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Li, L., & Lin, T. T. (2019). Smartphones at work: A qualitative exploration of psychological antecedents and impacts of work-related smartphone dependency. *International Journal of Qualitative Methods*, 18, 1609406918822240.
- Liao, T. (2019). Future directions for mobile augmented reality research: Understanding relationships between augmented reality users, nonusers, content, devices, and industry. *Mobile Media & Communication*, 7(1), 131-149.
- Ling, R., Fortunati, L., Goggin, G., Lim, S. S., & Li, Y. (2020). *The Oxford handbook of mobile communication and society*. Oxford University Press.
- Miller, D., Abed Rabho, L., Awondo, P., de Vries, M., Duque, M., Garvey, P., Haapio-Kirk, L., Hawkins, C., Otaegui, A., & Walton, S. (2021). *The global smartphone: Beyond a youth technology*. UCL Press.
- Moncur, W., & Waller, A. (2010). Digital inheritance. *RCUK Digital Futures 2010*.
- Mohd Azul M.S, & Liyana M.R. (2023) Buli siber: Gangguan seksual siber terhadap selebriti di laman media sosial Instagram. *JKMJC*, 39(1), 200-223.
- Nijssen, S. R., Schaap, G., & Verheijen, G. P. (2018). Has your smartphone replaced your brain? Construction and validation of the Extended Mind Questionnaire (XMQ). *PloS One*, 13(8).
- Omar, M. S., & Muda, M. (2019). Kemahiran komunikasi penutur asing: Aplikasi pendekatan telefon pintar dan Internet. *JKMJC*, 35(4), 353-367.
- Pitchan, M. A., & Anuwa, S. N. A. S. (2021). Kesan pelaksanaan pusat internet desa ke atas penduduk luar bandar di Beranang dan Tanjung Sepat. *JKMJC*, 37(4), 70-87.
- Pitchan, M. A., Baco, M. A., Hassan, F., & Ghazali, A. H. A. (2022). Pengetahuan, sikap, amalan terhadap privasi maklumat & keselamatan pembelian barangan dalam talian oleh golongan belia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 3(4), 250-267.
- Reading, A. (2009). Memobilia: The mobile phone and the emergence of wearable memories. In J. Garde-Hansen (Ed.), *Save as... Digital memories* (pp. 81-95). Springer.
- Rumbold, J. M., & Pierscionek, B. K. (2018). What are data? A categorization of the data sensitivity spectrum. *Big Data Research*, 12, 49-59.
- Savin-Baden, M. (2021). *What are postdigital humans?* Springer.
- Shen, C., & Gong, H. (2019). Personal ties, group ties and latent ties: Connecting network size to diversity and trust in the mobile social network WeChat. *Asian Journal of Communication*, 29(1), 18-34.
- Singh, M. K. K., & Samah, N. A. (2018). Impact of smartphone: A review on positive and negative effects on students. *Asian Social Science*, 14(11), 83-89.
- Storm, B. C., & Soares, J. S. (2021). *Memory in the digital age*. Oxford University Press.
- White, M. (2022). *Touch screen theory: Digital devices and feelings*. MIT Press.
- Yahaya, M., Murtala, Z. A., & Onukwube, H. N. (2020). Partial Least Squares (PLS-SEM): A note for beginners. *International Journal of Environmental Studies and Safety Research*, 4(4).